

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Permintaan	Ayat Tanya	Ayat Penyata	Ayat Seru	Ayat Majmuk
-----------------	------------	--------------	-----------	-------------

- a. Penjual sayur itu sentiasa tersenyum.
(_____)
- b. Dari manakah mereka datang?
(_____)
- c. Minta kamu bersiap sedia sekarang.
(_____)
- d. Kanak-kanak itu melompat-lompat sambil menjerit dengan kuat.
(_____)
- e. Wah, sedapnya kuih ini!
(_____)
- f. Bagaimanakah peristiwa itu berlaku?
(_____)
- g. Saya suka belajar bahasa Arab dan adik saya bahasa Jepun.
(_____)
- h. Tolong tutup pintu bilik itu.
(_____)
- i. Mak Munah sedang termenung di jendela.
(_____)
- j. Syabas, awak berjaya menyiapkan kerja itu!
(_____)

[10 markah]

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Silaan	Ayat Majmuk	Ayat Larangan	Ayat Penyata	Ayat Seru
-------------	-------------	---------------	--------------	-----------

a. Adik menangis kerana terjatuh dari basikal.

(_____)

b. Jemputlah masuk ke dalam.

(_____)

c. Jangan berlari di dalam bilik darjah.

(_____)

d. Nah, ambillah semula barang awak!

(_____)

e. Nenek saya berasal dari Daerah Belait.

(_____)

f. Sila ambil nombor dan tunggu giliran.

(_____)

g. Amboi, cantiknya baju baru awak!

(_____)

h. Kakak memasak sambil mendengar muzik.

(_____)

i. Awak tak usah menghadiri kelas ini lagi

(_____)

j. Aisyah tidak pergi ke sekolah pada hari ini.

(_____)

[10 markah]

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Suruhan	Ayat Penyata	Ayat Larangan	Ayat Majmuk	Ayat Tanya
--------------	--------------	---------------	-------------	------------

- a. Tolong baca petikan teks itu dengan nyaring.
(_____)
- b. Walaupun perabot itu diimport dari luar negara tetapi harganya masih murah. (_____)
- c. Rumah besar itu kepunyaan Haji Mahmud.
(_____)
- d. Jangan buang masa, berkemastlah cepat.
(_____)
- e. Tolong bawakan makanan itu ke sini.
(_____)
- f. Bilakah tarikh peperiksaan itu akan dijalankan?
(_____)
- g. Usahlah menangis lagi.
(_____)
- h. Rahim adalah anak bungsu Haji Osman.
(_____)
- i. Sudahkah kamu memilih tajuk syarahan untuk disampaikan?
(_____)
- j. Salim dimarahi oleh ibu kerana memecahkan pasu bunga.
(_____)

[10 markah]

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Tanya	Ayat Penyata	Ayat Larangan	Ayat Silaan	Ayat Seru
------------	--------------	---------------	-------------	-----------

- a. Sila datang ke kedai saya.

(_____)

- b. Awak sudah makan?

(_____)

- c. Eh, cepatnya kamu sampai!

(_____)

- d. Adik saya suka makan aiskrim berperisa anggur.

(_____)

- e. Wah, besarnya rumah baharu abang!

(_____)

- f. Jemputlah makan kuih yang saya hidang.

(_____)

- g. Usah diusik sarang tebuhan itu.

(_____)

- h. Bagaimanakah keadaan awak sekarang?

(_____)

- i. Harap jangan berludah di sini.

(_____)

- j. Abang saya akan melangsungkan perkahwinan pada hari ini.

(_____)

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Larangan	Ayat Silaan	Ayat Seru	Ayat Majmuk	Ayat Penyata
---------------	-------------	-----------	-------------	--------------

a. Jangan duduk di atas bangku itu.

(_____)

b. Ibu saya seorang pensyarah.

(_____)

c. Dia tidak dapat hadir ke majlis itu kerana kurang sihat.

(_____)

d. Awak tak usah datang ke sini lagi.

(_____)

e. Eh, duit itu ada di sini tadi!

(_____)

f. Jemputlah duduk.

(_____)

g. Razif menemani ibunya ke hospital.

(_____)

h. Sila beratur sebelum masuk ke dalam kelas.

(_____)

i. Alyaa pergi ke pasar untuk membeli daging dan sayur-sayuran.

(_____)

j. Syabas, kamu telah berjaya!

(_____)

[10 markah]

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Suruhan	Ayat Penyata	Ayat Larangan	Ayat Silaan	Ayat Permintaan
--------------	--------------	---------------	-------------	-----------------

- a. Tolong ambilkan saya secawan air.
(_____)
- b. Jangan petik bunga itu.
(_____)
- c. Kami sekeluarga akan melancong ke Taiwan.
(_____)
- d. Tolong belikan saya segugus anggur.
(_____)
- e. Usah dikenang lagi perkara yang lalu.
(_____)
- f. Jemput makan bersama-sama.
(_____)
- g. Serahkan semua wang di dalam peti simpanan kamu sekarang juga.
(_____)
- h. Sila beratur sebelum masuk ke dalam kelas.
(_____)
- i. "Bersihkan kelas ini sebelum cikgu datang," kata Amirul kepada kawan-kawannya.
(_____)
- j. Siapkan kerja sekolah ini sekarang.
(_____)

[10 markah]

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Larangan	Ayat Suruhan	Ayat Penyata	Ayat Tanya	Ayat Seru
---------------	--------------	--------------	------------	-----------

- a. Ibu memasak sambil berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam.

(_____)

- b. Harap jangan berhenti di sini.

(_____)

- c. Engkau tunggu dia di sini.

(_____)

- d. Encik Lokman kaunselor di sekolah ini?

(_____)

- e. Awak siapkan kerja itu sekarang.

(_____)

- f. Usah dikedangkan lagi perkara yang lalu.

(_____)

- g. Oh, saya lupa membawa buku sejarah hari ini!

(_____)

- h. Syabas, awak telah terpilih menjadi ketua darjah!

(_____)

- i. Leonardo Da Vinci merupakan pelukis potret Monalisa.

(_____)

- j. Bagaimana hujan terjadi?

(_____)

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Larangan	Ayat Silaan	Ayat Penyata	Ayat Seru	Ayat Tanya
---------------	-------------	--------------	-----------	------------

- a. Mengapakah kamu sering datang lewat?
(_____)
- b. Cis, berani engkau menghinaku!
(_____)
- c. Jangan bermain semasa cikgu sedang mengajar.
(_____)
- d. Setiap hujung minggu Nordin dan ayahnya pergi ke taman permainan.
(_____)
- e. Jemputlah ke rumah petang ini.
(_____)
- f. Oh, baru saya mengerti semuanya!
(_____)
- g. Bagaimanakah ibu membuat karipap itu?
(_____)
- h. Sila naik ke pentas secara berkumpulan.
(_____)
- i. Usah diingat peristiwa yang membuat kamu sedih.
(_____)
- j. Sultan Bolkiah merupakan sultan Brunei yang kelima.
(_____)

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Seruan	Ayat Suruhan	Ayat Penyata	Ayat Tanya	Ayat Larangan
-------------	--------------	--------------	------------	---------------

- a. "Buang sampah yang bertaburan itu ke dalam tong sampah," kata ayah kepada abang.
()
- b. Wah, besarnya rumah di atas bukit itu!
()
- c. Munira tidak pergi ke sekolah hari ini.
()
- d. Bilakah pertandingan bahas diadakan?
()
- e. Tidak usah awak campur tangan dalam hal peribadi saya.
()
- f. Tolong simpan buku-buku ini di bilik guru.
()
- g. Bagaimanakah awak membuat keropok udang ini?
()
- h. Oh, saya lupa bawa bekalan hari ini!
()
- i. Dia suka menonton rancangan televisyen.
()
- j. Jangan bermain mercun, nanti terbakar tangan.
()

[10 markah]

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Seru	Ayat Larangan	Ayat Majmuk	Ayat Tanya	Ayat Penyata
-----------	---------------	-------------	------------	--------------

- a. Aini membeli buah rambutan dan manggis di Tamu Kianggeh.
(_____)
- b. Aduh, sakitnya gigiku!
(_____)
- c. Pagi semalam dua buah kereta berlanggar di hadapan kedai Haji Kassim.
(_____)
- d. Jangan merokok di kawasan sekolah.
(_____)
- e. Ke manakah awak pergi semalam?
(_____)
- f. Wah, cantiknya baju awak!
(_____)
- g. Apakah yang ada dalam kotak itu?
(_____)
- h. Jangan buang sampah di sini.
(_____)
- i. Abdul Rahman dimarahi oleh guru kerana berbuat bising.
(_____)
- j. Aliyah tidak suka membuang masa dan melepak di kedai kopi.
(_____)

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Penyata	Ayat Perintah	Ayat Tanya	Ayat Seru
--------------	---------------	------------	-----------

- a. Malina belajar dengan siapa? (_____)
- b. Amboi, sedapnya masakan ini! (_____)
- c. Ya Tuhan! Limpahkanlah rahmat-Mu kepadaku, berkatilah hidupku. (_____)
- d. Jangan pijak rumput ini. (_____)
- e. Saya akan sampai di sana kira-kira setengah jam lagi. (_____)
- f. Murid-murid tidak dibenarkan masuk ke bilik pentadbiran tanpa kebenaran. (_____)
- g. Sampai bilakah awak akan jadi begini? (_____)
- h. Malam tadi saya pergi menonton wayang di The Mall. (_____)
- i. Saya tidak dapat hadir ke sekolah hari ini kerana kurang sihat. (_____)
- j. Wah! Cantiknya lukisan awak ini. (_____)

[10 markah]

10. Pilih JENIS-JENIS AYAT yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat perintah	Ayat seru	Ayat penyata	Ayat tanya	Ayat majmuk
---------------	-----------	--------------	------------	-------------

a. Saya bercita-cita hendak menjadi seorang doktor.

b. Sila duduk di sebelah kanan dewan ini.

c. Apakah warna bendera kita?

d. Amboi, cantiknya jam tangan kamu!

e. Buku cerita itu nipis tetapi harganya mahal.

[10 markah]

10. Pilih **JENIS-JENIS AYAT** yang sesuai bagi ayat di bawah kemudian tuliskan dalam kurungan yang disediakan.

Ayat Seru	Ayat Tanya	Ayat Tunggal	Ayat Suruhan	Ayat Larangan
-----------	------------	--------------	--------------	---------------

- a. Berapakah jumlah belian kamu tadi?
(_____)
- b. Wah, manis sungguh buah rambutan ini!
(_____)
- c. Jangan membuang sampah merata-rata.
(_____)
- d. Ayah sedang mencuci kereta.
(_____)
- e. Tolong bacakan ayat yang kamu tulis itu.
(_____)
- f. Aduh, sakitnya telingaku!
(_____)
- g. Di manakah saya boleh mendapatkan kasut ini?
(_____)
- h. Jemputlah ke rumah semasa perkahwinan anak kami.
(_____)
- i. Usah menyalahkan orang lain kerana kegagalan diri sendiri.
(_____)
- j. Aminah suka memakai baju kurung moden.
(_____)